

**Nik Aziz Nasihat Ibu Bapa Jangan Biar Anak Main Mercun  
Bernama  
10 Ogos, 2012**

KOTA BAHARU, 10 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menasihati ibu bapa supaya tidak membiarkan anak mereka membeli dan bermain mercun terutama pada musim perayaan ini.

Beliau berkata bermain bahan letupan berbahaya itu bukan budaya Melayu dan boleh menyebabkan kecederaan dan maut.

"Anggota badan kita ni amanah Allah, jangan bagi jadi kudung tak pasal-pasal.

"Oleh kerana budaya kita sekarang ni masih lagi (terikut-ikut) budaya penjajah tidak bertuan kepada Allah tetapi bertuankan kepada nafsu, maka kita masih lagi meneruskan budaya anak-anak kita membeli mercun," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan kuliah Jumaat di Dataran Ilmu di sini, Jumaat.

Nik Aziz berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai beberapa kejadian menyebabkan kanak-kanak cedera akibat bermain mercun di negeri ini, sejak kebelakangan ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687192>